

D379

U 8266 DEB
MAHATHIR - PENGURUS

KUALA LUMPUR, 26 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA KEJAYAAN ATAU KEGAGALAN NEGARA BERSAING PADA PERINGKAT ANTARABANGSA BERGANTUNG KEPADA KOMITMEN TERHADAP KUALITI DI KALANGAN PENGURUS PADA SEMUA PERINGKAT.

BELIAU BERKATA SESEORANG PENGURUS PERLU MENYEDARI BAHAWA MALAYSIA KINI MEMASUKI ERA PERSAINGAN YANG HEBAT DAN KOMITMEN TERHADAP KUALITI PERLU BERMULADARI PERINGKAT PALING TINGGI DALAM SUSUN-LAPIS PENGURUSAN NEGARA.

+PARAPENGURUS TERTINGGI PERLU MENYEBAR DAN MELAKSANAKAN KONSEP KUALITI SEBENARNYA SEHINGGA KE PERINGKAT BAWAHAN,+ KATA PERDANA MENTERI SEMASA MERASMIKAN CERAMAH MENGENAI PENGURUSAN KUALITI DI SINI.

MEMANDANGKAN MALAYSIA SEDANG BERUSAHA MENGGALAKAN EKSPORT BARANG BUATAN, PERHATIAN SERIUS PERLU DIBERI BAGI MEMUJUKAN KEUPAYAAN PERINDUSTRIAN YANG BERASASKAN KUALITI, TAMBAH BELIAU.

BELIAU BERHARAP BUDAYA KERJA YANG BERASASKAN KEYAKINAN DAN KEPERCAYAAN TERHADAP KUALITI AKAN MENJADI ASAS BAGI MEMPERTINGKATKAN PERTUMBUHAN PERINDUSTRIAN NEGARA. -- LAGI
1243MST 26 11 87

D386

U 8271 DEB
MAHATHIR - PENGURUS 2 KUALA LUMPUR

MENURUT PERDANA MENTERI, PARAPENGURUS JUGA PERLU BERSIKAP TERBUKA DALAM MENGHADAPI PERUBAHAN DAN PENDEKATAN BARU EKONOMI KEADAAN EKONOMI YANG TIDAK MENENTU SEKARANG.

+KITA MESTI BERSEDIA MENILAI SEMULA PRINSIP, KAEDAH DAN CORAK PENGURUSAN DAN PARAPENGURUS ATASAN BERTANGGUNGJAWAB MEMBERI ARAH PIMPINAN UNTUK MENEROKA CORAK YANG LEBIH SESUAI DENGAN KEADAAN SEMASA,+ KATANYA.

KATANYA, PERUBAHAN SIKAP DALAM KONTEKSKAWALAN KUALITI PERLU DILAKUKAN DENGAN MENGAMBIL BERAT SERTA BERBANGGA DENGAN MUTU HASIL KERJADIRI DAN ORGANISASI SENDIRI.

SIKAP DAN PERASAAN BANGGA SEDEMikian, KATANYA, AKAN MEMASTIKAN PENINGKATAN PRODUKTIVITI DENGAN JAMINAN KUALITI HASIL KERJA SERTA MENENTUKAN NEGARA DIHORMATI DAN DISANJUNGI.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENAMBAH KATA, PENGGUBALAN DAN PENYEMAIAN BUDAYA KERJA BERKUALITI MERUPAKAN SUATU USAHA YANG BERTERUSAN. -- LAGI
1258MST 24 11 87

D387

U 8272 DEB
MAHATHIR - PENGURUS 3 KUALA LUMPUR

+KITA BERHASRAT MENCAPAI TAHAP KESEMPURNAAN. HANYA TUHAN SAHAJA YANG SEMPURNA, MANUSIA TIDAK MUNGKIN, TETAPI MANUSIA TIDAK DILARANG MENCUBA+.

PERDANA MENTERI SETERUSNYA MENGGESA KAKITANGAN KERAJAAN SEMUA PERINGKAT MEMUJUKAN BUDAYA KERJA BERKUALITI BAGI MENCAPAI KECEMERLANGAN DALAM SETIAP KERJA.

CERAMAH ANJURAN BERSAMA IBM DAN SIRIM ITU DIHADIRI OLEH LEBIH 100 WAKIL PEGAWAI ATASAN KERAJAAN DAN SWASTA. CERAMAH DISAMPAIKAN OLEH DR THOMAS J. BARRY DARI IBM. -- BERNAMA
1259MST 26 11 07